

ANALISIS BIBLIOMETRIK BAGI KAJIAN PERAKAUNAN MASJID

BIBLIOMETRIC ANALYSIS FOR A STUDY OF MOSQUE ACCOUNTING

Ram Al Jaffri Saad¹

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Kedah Darul Aman
(Email: ram@uum.edu.my)

Shamharir Abidin²

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Kedah Darul Aman.
(Email: sham1202@uum.edu.my)

Mohamad Zulkurnai Ghazali³

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Kedah Darul Aman.
(Email: zulghazali@uum.edu.my)

Ahmad Zamil Khalid⁴

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Kedah Darul Aman.
(Email: zamil@uum.edu.my)

Mohd Syahrir Rahim⁵

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Kedah Darul Aman.
(Email: syahrir@uum.edu.my)

Accepted date: 03-06-2019

Published date: 10-07-2019

To cite this document: Saad, R. A. J., Abidin, S., Ghazali, M. Z., Khalid, A. Z., & Rahim, M. S. Analisis Bibliometrik Bagi Kajian Perakaunan Masjid. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 188-199.

DOI: 10.35631/IJMTSS.280018

Abstrak: Peranan masjid bukan sekadar tempat melakukan ibadah dan aktiviti keagamaan sahaja malah ia mencakupi tempat membina perpaduan, menjaga kebajikan dan membantu menjana ekonomi ummah, khususnya masyarakat setempat. Bagi memastikan masjid dapat berfungsi dengan baik, rekod perakaunan dan pelaporan kewangan masjid yang baik adalah sangat penting. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kajian-kajian terdahulu telah dilakukan dalam bidang perakaunan masjid. Metodologi yang digunakan adalah menggunakan kaedah analisis bibliometrik ke atas artikel-artikel yang dikumpulkan dari pangkalan data Scopus. Hasil kajian mendapati bahawa kajian mengenai perakaunan masjid hanya mula diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus pada tahun 2011 dan sehingga 2018, terdapat hanya 10 artikel telah diterbitkan. Kebanyakkannya artikel telah diterbitkan pada 2016 dan majoriti penulisnya adalah orang Muslim. Tumpuan bidang kajian perakaunan masjid adalah dalam bidang perniagaan, pengurusan, perakaunan, kejuruteraan dan sains alam sekitar dan majoriti kajian dijalankan di negara-negara yang mana majoriti penduduknya adalah

beragama Islam. Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran umum tentang penyelidikan semasa mengenai perakaunan masjid, trend, dan arah masa depan penyelidikan yang berkaitan dengannya.

Kata Kunci: Bibliometrik, Perakaunan, Masjid, Pengurusan, Dana

Abstract: The role of mosque is not only for places of worship and religious activities, but it is also a place for building unity, caring for the welfare and helping to build the economy of the community, especially the local community. To ensure the mosque is functioning well, the accounting and financial reporting of the mosque is very important. The purpose of this study is to see how much previous research has been done in the field of mosque accounting. The methodology used is to use bibliometric analysis of articles collected from the Scopus database. The results show that studies on mosque accounting only began to be published in Scopus indexed journals in 2011 and as of 2018, only 10 articles have been published. Most of the articles were published in 2016 and most of writers are Muslim. The focus of the mosque's accounting studies is business, management, accounting, engineering and environmental science and the majority of studies are conducted in countries where the majority of the population is Muslim. The findings of this study can provide a general overview of current research on mosque accounting, trends, and future directions of related research.

Keywords: Bibliometric, Accounting, Mosque, Management, Fund

Pengenalan

Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah dan aktiviti keagamaan semata-mata, ia telah berkembang menjadi sebuah institusi yang memainkan peranan penting terutamanya dalam menjaga kebajikan ahli kariah di samping membantu menggalakkan penjanaan ekonomi masyarakat setempat. Fungsi masjid pada zaman pemerintahan kerajaan Islam pada masa lampau adalah amat luas dan penting, merangkumi hal pengurusan dan pentadbiran negara, pusat dakwah dan pembangunan syiar Islam, sebagai pusat pembangunan ekonomi dan kewangan, institusi keadilan dan perundangan, serta pusat pemupukan institusi sosial (Mohamed, Ab Aziz, Masrek, & Mohd Daud, 2014; Tamkin Borhan, Yahya Mohd Hussin, Muhammad, & Fauzi Abu, 2011).

Di Malaysia, selain berfungsi sebagai pusat ibadah, masjid menjadi pusat yang membantu merealisasikan polisi kerajaan yang berkaitan agama Islam menerusi program yang dapat menyuntik dan menguatkan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat setempat (Mohamed Adil, Mohd-Sanusi, Jaafar, Khalid, & Abd Aziz, 2013). Selain itu, masjid juga dapat membantu dalam mengatasi masalah ekonomi ummah yang timbul disebabkan masalah kenaikan harga barang dan perkhidmatan, pengangguran, kos sara hidup yang tinggi dan sebagainya menerusi bantuan kewangan (Aris & Musa, 2014; Suwarto, 2012). Bagi membiayai pengurusan masjid dan segala aktiviti serta program yang dijalankan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) membenarkan Jawatankuasa Masjid untuk menjana dana daripada sedekah, wakaf, tanah perkuburan dan harta milik khas (Ahmad, Ahmad, Ab. Majid, & Wahid, 2000).

Sumbangan daripada segi tunai dan aset-aset lain yang diterima oleh sesetengah masjid boleh mencapai amaun yang agak tinggi malah ada yang mencecah nilai jutaan ringgit. Walaupun sebahagian daripada dana ini digunakan bagi tujuan perbelanjaan berkaitan pengurusan masjid, pembelian aset, penyelenggaraan, utiliti dan lain-lain, kebiasaannya masjid mempunyai lebih dana yang boleh mencecah ratusan ribu ringgit. Wang ini kebiasaannya hanya disimpan

di akaun simpanan menyebabkan ianya tidak begitu efektif dalam menjana pulangan yang optimum kepada masjid. Cabaran utama dalam menguruskan masjid pada hari ini ialah untuk memastikan praktis pengurusan kewangan yang betul dan cekap (Mohamed et al., 2014).

Walaupun isu pengurusan kewangan dan perakaunan masjid penting, namun sehingga ke hari ini belum diketahui sejauh mana isu ini telah dibincangkan secara ilmiah dan diterbitkan dalam bentuk artikel terutamanya dalam medium yang diindeks dalam pangkalan data antarabangsa seperti Scopus. Jika tiada artikel ditulis dan diterbitkan, maka bagaimana masalah perakaunan masjid dapat diselesaikan dan bagaimana pula perkembangan ilmu dalam bidang perakaunan masjid ini boleh berkembang pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melakukan tinjauan kesusataeraan ke atas bahan-bahan penerbitan yang telah diterbitkan dalam pangkalan data Scopus.

Kajian ini menyumbang kepada konteks penyampaian penyelidikan dan pembangunan melalui analisis bibliometrik dan semakan sistematik. Analisis bibliometrik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai beberapa fungsi seperti untuk menilai pengaruh jurnal yang berbeza dalam bidang tertentu, dapat menilai struktur intelektual bidang dan mencadangkan bagaimana bidang dapat bergerak ke depan. Kajian ini membentangkan struktur dan corak yang bermakna, seperti tahun penerbitan, jenis dokumen, negara yang paling berpengaruh yang menyumbang kepada bidang kajian, jenis penyelidikan dan pendekatan yang telah dijalankan serta perspektif yang menumpukan kepada perakaunan masjid.

Susunan artikel ini dianjurkan sebagai berikut: bahagian pertama akan menerangkan latar belakang kajian dan objektif kajian. Bahagian kedua akan menyediakan kajian literatur mengenai masjid. Selepas itu, makalah ini akan menggariskan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Fasa seterusnya akan membentangkan hasil analisis yang akan meliputi bilangan penerbitan mengikut jenis akses, tahun, afiliasi penulis, dan analisis berdasarkan bidang subjek artikel. Akhir sekali, kajian ini akan membentangkan perbincangan berdasarkan penemuan dan menyediakan kesimpulan berdasarkan ringkasan penemuan kajian dan cadangan-cadangan bagi penyelidikan pada masa hadapan.

Sorotan Literatur

Masjid berfungsi sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk menjalankan pelbagai aktiviti dan program, bukan sahaja berbentuk keagamaan tetapi juga yang dapat memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat. Peningkatan bilangan program atau aktiviti masjid ini memerlukan dana yang mencukupi. Dengan itu, adalah amat penting bagi jawatankuasa pengurusan masjid untuk merancang perolehan dan perbelanjaan dana dengan cekap dan berkesan bagi memastikan segala program yang dirancang dapat dilaksanakan (Ahmad et al., 2000). Di Malaysia, masjid terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menerusi akta atau enakmen setiap negeri. Enakmen ini menjelaskan bidang kuasa ahli jawatankuasa serta pegawai masjid yang merangkumi hal-hal berkenaan pengurusan dana dan harta (Ahmad et al., 2000). Pelantikan ahli jawatankuasa dan pegawai masjid ini bergantung kepada negeri-negeri, sama ada dibuat menerusi pemilihan di mesyuarat agung kariah atau pelantikan oleh MAIN atau gabungan keduanya (Ahmad et al., 2000; Mohd Hussin, Muhammad, Abdul Razak, Habidin, & Syed Mohamad, 2012). Di Kedah, Seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman), 2008 menggariskan bahawa pelantikan pegawai masjid dilakukan oleh pihak Majlis yang dipilih di kalangan ahli kariah masjid tersebut (Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman, 2008).

Jumlah keseluruhan masjid (yang mengadakan sembahyang Jumaat) di Malaysia dianggarkan sebanyak kira-kira 5 ribu buah (Ahmad et al., 2000). Ahmad, Ahmad, Ab. Majid, & Wahid (2000) mendapati sesetengah masjid seperti masjid Saidina Abu Bakr As-Siddiq di Bangsar, Kuala Lumpur, memperolehi pendapatan lebih kurang RM500,000 setahun dan pernah mempunyai simpanan bank sehingga RM320,000. Kajian tersebut turut menganggarkan simpanan wang masjid di bank perdagangan dan institusi kewangan mencecah RM300 juta. Jumlah yang besar ini membayangkan betapa institusi masjid memiliki keupayaan untuk memberi impak yang signifikan dalam pembangunan ummah dan pengembangan syiar Islam menerusi penganjuran dan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program. Selain itu, ia berupaya menjadi sumber untuk menjana perolehan menerusi pelaburan dan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam, khususnya ahli kariah sekiranya dana dan harta masjid ini diuruskan secara betul, cekap dan berkesan. Oleh itu, aspek pengurusan masjid yang tersusun dan sistematik perlu ditekankan khususnya berkaitan pengurusan kewangan dan ekonomi (Mohd. Ramli, Jalil, Hamdan, Haris, & Abd. Aziz, 2014). Seterusnya, transformasi dan penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan masjid dalam menguruskan dana adalah perlu bagi mengimbangi perkembangan dan cabaran masa hadapan (Mohd Husin, Muhammad, Abdul Razak, & Habidin, 2014).

Antara punca masalah yang dikenal pasti sebagai punca kepada masalah dalam pengurusan dana dan harta masjid ialah sumber tenaga dan kepakaran yang terhad dalam jawatankuasa masjid di mana terdapat bendahari masjid yang tidak mempunyai pengetahuan asas perakaunan yang menyebabkan rekod perolehan dan perbelanjaan masjid tidak diuruskan dengan teratur (Ramli, Jalil, Hamdan, Haris, & Abd. Aziz, 2009). Selain daripada itu, fatwa-fatwa berkaitan penggunaan dana masjid tidak disusun dengan lengkap dan teratur menyebabkan tiada panduan jelas tentang tatacara penggunaan dan pengurusan dana masjid, di mana masalah seperti pemindahan dana antara masjid, jenis pelaburan yang dibenarkan dan sebagainya harus diperincikan secara jelas (Ramli et al., 2009). Ketiadaan prosedur kewangan atau prosedur pengurusan kewangan yang tidak lengkap, terutamanya berkaitan kawalan dalaman boleh menyebabkan berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan dana. Oleh itu sistem kawalan dalaman yang lengkap adalah amat perlu bagi memastikan organisasi menguruskan dana dengan berkesan (Sulaiman, 2007).

Metodologi

Dalam kajian ini, semua penerbitan mengenai perakaunan masjid telah dikumpulkan. Untuk mengenal pasti artikel yang berkaitan, kata kunci yang digunakan dalam pangkalan data Scopus untuk mencari artikel yang berkaitan adalah "perakaunan" dan "masjid" dalam tajuk dokumen atau abstrak atau kata kunci artikel. Daripada penemuan carian, sebanyak 10 artikel didapati dalam pangkalan data Scopus. Semua data yang dikumpulkan dalam pangkalan data tersebut telah dimuat turun dan dieksport ke Mendeley, perisian pengurus rujukan untuk tindakan selanjutnya. Semua artikel telah diperiksa untuk melihat kesempurnaan dan ketepatan maklumat artikel.

Berdasarkan artikel-artikel terpilih, semua maklumat yang berkaitan kemudian diekstrak dan dikelaskan mengikut jenis akses, tahun penerbitan, nama penulis, subjek kajian, jenis dokumen, nama jurnal, kata kunci, afiliasi penulis dan negara yang mana penyelidikan telah dilakukan. Senarai dokumen yang telah dikumpulkan dan dianalisis adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Senarai Dokumen yang Dikumpul dan Dianalisis

No	Penulis (Tahun)	Tajuk Artikel
1	Firdaus, D.W., YuLianto, H.D. (2018)	Business Blueprint Accounting Information Systems Cash Receipts in Non-Profit Entities
2	Elangovan, V., Mathur, V., Kumar, M., Priya, Y.S. (2018)	Diversity and Conservation of Chiroptera Fauna
3	Campoy-Munoz, P., Alejandro Cardenete, M., Carmen Delgado, M. (2017)	Assessing the economic impact of a cultural heritage site using social accounting matrices: The case of the Mosque-Cathedral of Cordoba
4	Mustafa, M.A., Sallehhuddin, A., Samsudin, A., Mohamed, Z.S.S., Masuod, M.S. (2016)	Conceptual framework on incorporating accounting value in the disclosure of mosque sadaqah fund reporting
5	Daso, A.P., Akortia, E., Okonkwo, J.O. (2016)	Concentration profiles, source apportionment and risk assessment of polycyclic aromatic hydrocarbons (PAHs) in dumpsite soils from Agbogbloshie e-waste dismantling site, Accra, Ghana
6	Niswatin, Rasuli, L.O., Monoarfa, R. (2016)	Development strategy of islamic economic, business and accounting in Gorontalo, Indonesia
7	Kasim, N., Htay, S.N.N., Salman, S.A. (2016)	Achieving effective Waqf management through compliance with Shari'ah Governance Practices
8	Shaharuddin, S.B., Sulaiman, M.B. (2015)	Financial disclosure and budgetary practices of religious organization: A study of qaryah mosques in Kuala Terengganu
9	Çelik, E., Özdemir, T., Akyol, A.A. (2014)	Golyazi / Apollonia - Bithynia GPR, magnetic and archaeometry study
10	Akbaba, Y., Fox, J. (2011)	The religion and state-minorities dataset

Keputusan Kajian

Jenis Akses

Secara keseluruhannya, terdapat 10 artikel telah diterbitkan berkaitan dengan perakaunan masjid. Daripada jumlah tersebut, 10% daripadanya merupakan artikel berbentuk akses terbuka, iaitu boleh dimuat turun secara percuma. Majoriti daripada artikel-artikel tersebut (90%) adalah dalam bentuk lain-lain. Dokumen-dokumen tersebut sama ada perlu dilanggan atau dibayar sebelum ia dapat dimuat turun.

Jadual 2: Jenis Akses

Akses	Bilangan	Peratus
Akses Terbuka	1	10%
Lain-Lain	9	90%
Jumlah	10	100%

Tahun Penerbitan

Butiran bilangan artikel yang diterbitkan mengikut tahun ditunjukkan dalam Jadual 3. Artikel-artikel berkaitan perakaunan masjid diterbitkan antara tahun 2011 hingga 2018.

Menariknya, artikel-artikel tersebut hanya mula ditulis dan diterbitkan bermula pada 2011 yang membawa maksud artikel sebelum tahun 2011 tidak diterbitkan dalam jurnal atau prosiding berindeks Scopus. Artikel paling banyak diterbitkan adalah pada tahun 2016, iaitu sebanyak 4 atau 40% daripada jumlah keseluruhan artikel yang diterbitkan. Tahun 2018 merupakan tahun kedua tertinggi, iaitu sebanyak 2 atau 20% artikel diterbitkan pada tahun tersebut. Bagi tahun-tahun lain, iaitu 2017, 2015, 2014 dan 2011, hanya satu artikel sahaja diterbitkan dalam tahun-tahun tersebut. Dapat disimpulkan bahawa tidak banyak pertumbuhan artikel yang diterbitkan mengenai perakaunan masjid.

Jadual 3. Tahun Penerbitan

Tahun	Bilangan	Peratus
2018	2	20%
2017	1	10%
2016	4	40%
2015	1	10%
2014	1	10%
2011	1	10%
Jumlah	10	100%

Senarai Penulis Artikel

Jadual 4 memaparkan senarai nama penulis artikel berkaitan perakaunan masjid. Dapat dilihat di sini bahawa kebanyakan penulis hanya menjadi penulis bagi satu artikel sahaja. Dapat juga dilihat bahawa tiada satu pun artikel ditulis oleh seorang penulis. Kebanyakan artikel ditulis oleh lebih dari seorang. Majoriti penulis juga adalah dalam kalangan orang Muslim.

Jadual 4. Senarai Nama Penulis

Nama Penulis	
Akbaba, Y.	1
Akortia, E.	1
Akyol, A.A.	1
Alejandro Cardenete, M.	1
Campoy-Munoz, P.	1
Carmen Delgado, M.	1
Daso, A.P.	1
Elangovan, V.	1

Firdaus, D.W.	1
Fox, J.	1
Htay, S.N.N.	1
Kasim, N.	1
Kumar, M.	1
Masuod, M.S.	1
Mathur, V.	1
Mohamed, Z.S.S.	1
Monoarfa, R.	1
Mustafa, M.A.	1
Niswatin	1
Okonkwo, J.O.	1
Priya, Y.S.	1
Rasuli, L.O.	1
Sallehhuddin, A.	1
Salman, S.A.	1
Samsudin, A.	1
Shafee, N.B.	1
Shaharuddin, S.B.	1
Sulaiman, M.B.	1
YuLianto, H.D.	1
Celik, E.	1
Özdemir, T.	1

Bidang Kajian

Subjek kajian bagi setiap artikel dilaporkan dalam Jadual 5. Berdasarkan jadual tersebut, kebanyakkan kajian tertumpu dalam 3 bidang utama, iaitu pertama bidang perniagaan, pengurusan dan perakaunan. Bidang tumpuan kedua popular ialah kejuruteraan dan ketiga, sains alam sekitar. Tiga subjek kajian ini mempunyai 4 artikel yang diterbitkan di bawah subjek tersebut. Seterusnya, subjek sains sosial merupakan subjek popular apabila sebanyak 3 kajian berada dalam subjek kajian tersebut. Dua subjek popular lain adalah dalam bidang sains komputer dan ekonomi, ekonometrik dan kewangan dengan rekod sebanyak 2 kajian menggunakan subjek tersebut. Selebihnya, iaitu subjek pertanian dan sains biologikal, sains pemutusan, tenaga, sains bahan dan matematik merekodkan masing-masing 1 kajian.

Jadual 5. Subjek Kajian

Subjek Kajian	Bilangan
Pertanian dan Sains Biologikal	1
Perniagaan, Pengurusan dan Perakaunan	4
Sains Komputer	2
Sains Pemutusan	1
Bumi dan Sains Planet	1
Ekonomi, Ekonometrik dan Kewangan	2
Tenaga	1
Kejuruteraan	4

Sains Alam Sekitar	4
Sains Bahan	1
Matematik	1
Sains Sosial	3

Jenis Dokumen

Jadual 6 membentangkan bilangan dokumen berdasarkan jenis dokumen. Dokumen paling banyak berkaitan perakaunan masjid yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus adalah artikel jurnal (6) yang mewakili 60% daripada jumlah artikel berbanding dengan kertas persidangan (3, 30%), dan bab dalam buku (1, 10%).

Jadual 6. Jenis Dokumen

Jenis Dokumen	Jumlah	Peratus
Artikel	6	60%
Makalah Prosiding	3	30%
Bab Dalam Buku	1	10%
Jumlah	10	100%

Nama Jurnal

Jadual 7 memaparkan nama-nama sumber yang menerbitkan artikel berkaitan perakaunan masjid. Secara keseluruhannya, seperti yang dijelaskan dalam Jadual 6, terdapat 3 jenis dokumen iaitu artikel jurnal, prosiding dan buku. Kesemua artikel diterbitkan dalam sumber jurnal yang berbeza-beza. Sebagai contoh, daripada 6 artikel jurnal yang diterbitkan, kesemuanya diterbitkan dalam jurnal yang berbeza-beza. Jurnal-jurnal tersebut ialah Advanced Science Letters (1 artikel), Environmental Science and Pollution Research (1 artikel), Gadjah Mada International Journal of Business (1 artikel), International Journal of Economic Research (1 artikel), Journal of Peace Research (1 artikel) dan Tourism Economics (1 artikel). Bagi prosiding, artikel perakaunan masjid diterbitkan dalam Iop Conference Series Materials Science And Engineering (1 artikel), Proceedings of the 15th International Conference on Ground Penetrating Radar Gpr 2014 (1 artikel) dan Proceedings of the 27th International Business Information Management Association Conference Innovation Management And Education Excellence Vision 2020 From Regional Development Sustainability To Global Economic Growth Ibima 2016 (1 artikel).

Jadual 7. Nama Terbitan Jurnal

Sumber Artikel	Jumlah
Advanced Science Letters	1
Environmental Science and Pollution Research	1
Gadjah Mada International Journal of Business	1
Indian Hotspots Vertebrate Faunal Diversity Conservation and Management	
Volume 1	1
International Journal of Economic Research	1
Iop Conference Series Materials Science and Engineering	1
Journal of Peace Research	1
Proceedings of the 15th International Conference On Ground Penetrating Radar	

Gpr 2014	1
Proceedings of the 27th International Business Information Management Association Conference Innovation Management And Education Excellence Vision 2020 From Regional Development Sustainability To Global Economic Growth Ibima 2016	1
Tourism Economics	1

Afiliasi Penulis

Jadual 8 memaparkan maklumat mengenai afiliasi penulis. Daripada 10 artikel yang diterbitkan, 2 daripadanya menunjukkan penulis adalah staf daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bagi institusi-institusi lain, hanya 1 afiliasi dijumpai dalam artikel-artikel tersebut.

Jadual 8. Afiliasi Penulis

Afiliasi	Bilangan
International Islamic University Malaysia	2
Humber College	1
SRC Engineering Ltd.	1
Bar-Ilan University	1
Universiti Teknologi MARA	1
Tshwane University of Technology	1
Multimedia University	1
Ankara Üniversitesi	1
Gazi Üniversitesi	1
Babasaheb Bhimrao Ambedkar University	1
Gettysburg College	1
Universidad Loyola Andalucia	1
Universiti Sultan Zainal Abidin	1
State University of Gorontalo	1
Universitas Komputer Indonesia	1
Institute of Islamic Banking and Finance	1

Negara Tumpuan Kajian

Makalah ini juga telah mengkaji negara atau rantau yang menjadi tumpuan dalam artikel-artikel yang diterbitkan. Daripada analisis yang dijalankan, Malaysia adalah negara paling banyak kajian dijalankan mengenai perakaunan masjid yang mewakili 25% daripada jumlah terbitan. Kajian ini juga mendapati bahawa Indonesia (16.9%) juga merupakan negara yang agak popular bagi kajian masjid berbanding negara lain. Selebihnya negara-negara yang terlibat dengan kajian ini dibentangkan dalam Jadual 9. Seperti di Jadual 9, terdapat juga beberapa kajian yang menumpukan perhatian kepada lebih dari satu negara.

Jadual 9. Negara Tumpuan

Negara	Jumlah	Peratus
Malaysia	3	25%
Indonesia	2	16.9%
Canada	1	8.3%
India	1	8.3%
Israel	1	8.3%
South Africa	1	8.3%
Spain	1	8.3%
Turkey	1	8.3%
United States	1	8.3%

Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan

Tujuan kajian ini untuk mengulas mengenai senarai kesusasteraan yang memberi tumpuan kepada perakaunan masjid berdasarkan tajuk artikel, abstrak dan kata kunci. Berdasarkan keputusan kajian ini, diharapkan dapat mengenal pasti kemungkinan jurang penyelidikan pada topik yang berkaitan dengan perakaunan masjid. Subjek perakaunan masjid merupakan subjek yang penting kerana peranan masjid kepada masyarakat tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak. Sumber kewangan masjid yang banyak dan berkembang dari semasa ke semasa memungkinkan pemerhatian yang lebih teliti terutama dalam hal perakaunan dan pengurusan kewangan. Perakaunan yang tidak betul dan teratur akan mengakibatkan ketidakcekapan dan salah lapor. Ini memungkinkan ketidakberkesanan berlaku dalam pengurusan dana masjid.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tidak banyak artikel ditulis mengenai perakaunan masjid. Carian dalam pengkalan data Scopus mendapati, terdapat hanya 10 artikel telah diterbitkan apabila perkataan “perakaunan masjid” dijadikan kata kunci dalam pencarian artikel. Walaupun masjid telah lama wujud, namun penulisan artikel berkenaan perakaunan masjid hanya bermula pada tahun 2011. Ini bermakna tiada penumpuan diberikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (sebelum 2011) berkaitan perakaunan masjid. Apa yang lebih menarik lagi, walaupun bidang ini mula ditulis dalam artikel pada tahun 2011, namun perkembangan penulisannya juga amat mendukacitakan apabila hanya 10 artikel sahaja diterbitkan sehingga tahun 2018.

Dalam konteks senarai penulis, majoritinya adalah terdiri daripada orang Muslim. Menariknya, ada juga beberapa nama bukan Muslim turut terlibat dalam kajian berkaitan perakaunan masjid. Hal ini ada baik dan buruknya. Yang baiknya ialah penglibatan orang bukan Muslim dalam kajian berkaitan masjid membuka lebih banyak ruang penulisan dan peningkatan jumlah artikel yang diterbitkan. Ia boleh menjadi solusi kepada penyelesaian masalah dalam perakaunan masjid. Yang buruknya pula ialah keupayaan pengkaji-pengkaji bukan Muslim dalam memahami peranan sebenar masjid. Walaupun masjid mempunyai persamaan dengan institusi bukan kewangan yang lain, namun peranan masjid adalah lebih daripada itu. Hal ini dikhuatiri tidak difahami sepenuhnya oleh pengkaji bukan Muslim.

Seterusnya, bidang tumpuan utama kajian perakaunan masjid menumpukan kepada perniagaan, pengurusan dan perakaunan. Penumpuan juga diberikan dalam bidang sains komputer. Walaupun jumlah artikel dalam bidang tumpuan ini masih kecil, namun ia menunjukkan perkembangan yang baik dalam bidang ini. Dapatkan ini menunjukkan masih terdapat beberapa jurang yang mungkin berguna untuk diterokai. Bidang-bidang lain seperti

penggunaan sistem maklumat perakaunan, pengauditan, pengurusan risiko dan sebagainya mungkin juga boleh dilakukan dalam kajian-kajian pada masa akan datang.

Kajian ini juga mendapat artikel-artikel yang diterbitkan adalah berbentuk artikel jurnal, prosiding dan buku. Namun, apabila dilihat dari sudut nama-nama jurnal, kesemuanya adalah jurnal umum yang tidak berkaitan dengan kajian dalam persekitaran Islamik. Seharusnya jurnal-jurnal Islamik dalam Scopus seperti Journal of Islamic Accounting and Business Research dan ISRA Journal of Islamic Finance perlu juga menerbitkan artikel-artikel berkaitan perakaunan masjid. Jurnal-jurnal ini dirasakan lebih sesuai kerana para pembacanya kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Muslim yang lebih prihatin berkenaan isu ini.

Dari segi afiliasi, penulis-penulis adalah terdiri daripada ahli-ahli akademik di pelbagai universiti. Kepelbagaian universiti ini tidak tertakluk kepada universiti berbentuk Islamik sahaja malah dapat dilihat kepelbagaian dalam afiliasi setiap penulis yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Selain itu, banyak kajian dijalankan dengan memberi tumpuan kepada negara yang penduduk majoritinya adalah Muslim seperti Malaysia dan Indonesia. Menariknya juga apabila didapati terdapat juga kajian dijalankan di negara-negara lain seperti Kanada, India, dan Amerika Syarikat yang mana penduduk Muslim adalah minoriti sahaja di sana. Walaupun terdapat beberapa sumbangan untuk kajian ini, terdapat juga beberapa batasan yang harus ditangani untuk memperbaiki penyelidikan masa depan. Pertama, hasil daripada carian hanya memenuhi kata kunci yang dipilih berdasarkan tajuk kajian, abstrak dan kata kunci sahaja. Penyelidikan masa depan mungkin boleh mengembangkan carian dan menyiasat lebih mendalam dalam setiap dokumen yang dikumpulkan. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada pangkalan data Scopus. Adalah dicadangkan untuk penyelidikan masa depan untuk memasukkan pangkalan data lain seperti *Google Scholar* dan *Web of Sciences*. Walaupun terdapat batasan-batasan ini, adalah diharapkan dengan menjalankan kajian ini dapat memberikan arah tuju kepada penyelidikan masa depan, pengenalan jurang dan trend semasa mengenai kajian perakaunan masjid.

Penghargaan

Artikel ini diterbitkan hasil geran penyelidikan daripada Universiti Utara Malaysia (Kod SO 13105).

Rujukan

- Ahmad, J., Ahmad, S., Majid, M. A., Wahid, H. (2009). Dana dan Harta Masjid Di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam. Kumpulan Kajian Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akbaba, Y., and Fox, J. (2011). The religion and state-minorities dataset, *Journal of Peace Research*, 48(6), pp. 807-816.
- Aris, H. R., & Musa, N. S. (2014). Pengurusan Tabung Masjid ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. In International Conference on Masjid, Zakat and Waqf, Kuala Lumpur, Malaysia, pp. 180–188.
- Campoy-Munoz, P., Alejandro Cardenete, M., and Carmen Delgado, M. (2017). Assessing the economic impact of a cultural heritage site using social accounting matrices: The case of the Mosque-Cathedral of Cordoba, *Tourism Economics*, 23(4), pp. 874-881.
- Çelik, E., Özdemir, T., and Akyol, A.A. (2014). Golyazi / Apollonia - Bithynia GPR, magnetic and archaeometric study, Proceedings of the 15th International Conference on Ground Penetrating Radar, GPR 20146970392, pp. 92-96.

- Daso, A.P., Akortia, E., and Okonkwo, J.O. (2016). Concentration profiles, source apportionment and risk assessment of polycyclic aromatic hydrocarbons (PAHs) in dumpsite soils from Agbogbloshie e-waste dismantling site, Accra, Ghana, *Environmental Science and Pollution Research*, 23(11), pp. 10883-10894.
- Elangovan, V., Mathur, V., Kumar, M., and Priya, Y.S. (2018). Diversity and Conservation of Chiropteran Fauna, Indian Hotspots: Vertebrate Faunal Diversity, Conservation and Management Vol. 1, pp. 57-87.
- Firdaus, D. W. and Yulianto, H. D. (2018). Business Blueprint Accounting Information Systems Cash Receipts in Non-Profit Entities, *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, Vol. 407, pp. 1-6.
- Kasim, N., Htay, S.N.N., and Salman, S.A. (2016). Achieving effective Waqf management through compliance with Shari'ah Governance Practices, Proceedings of the 27th International Business Information Management Association Conference - Innovation Management and Education Excellence Vision 2020: From Regional Development Sustainability to Global Economic Growth, IBIMA 2016, pp. 1326-1329.
- Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (2008), Kedah, Malaysia.
- Mohamed Adil, M. A., Mohd-Sanusi, Z., Jaafar, N. A., Khalid, M. M., & Abd Aziz, A. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 23–30.
- Mohamed, I. S., Ab Aziz, N. H., Masrek, M. N., & Mohd Daud, N. (2014). Mosque Fund Management: Issues on Accountability and Internal Controls. International Conference on Governance and Strategic Management, 145, 189–194.
- Mohd Husin, M. Y., Muhammad, F., Abdul Razak, A., & Habidin, N. F. (2014). An Exploratory Analysis on Mosque Fund in Perak, *Jurnal Syariah*, 22(1), 1–20.
- Mohd Hussin, M. Y., Muhammad, F., Abdul Razak, A., Habidin, N. F., & Syed Mohamad, S. I. (2012). Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. In Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII, Vol. 2, pp. 1274–1286.
- Mohd. Ramli, A., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Abd. Aziz, M. A. (2014). Fatwa Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4, pp. 1-6.
- Mustafa, M.A., Sallehhuddin, A., Samsudin, A., Mohamed, Z.S.S., and Masuod, M.S. (2016). Conceptual framework on incorporating accounting value in the disclosure of mosque sadaqah fund reporting, *Advanced Science Letters*, 22(12), pp. 4185-4189.
- Niswatin, Rasuli, L.O., and Monoarfa, R. (2016). Development strategy of islamic economic, business and accounting in Gorontalo, Indonesia, *International Journal of Economic Research*, 13(7), pp. 3083-3096.
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Abd. Aziz, M. A. (2009). Fatwa-Fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi Dan Kewangan Masjid, Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asia 2009, : EDC Hotel, Sintok, Kedah.
- Shaharuddin, S.B., and Sulaiman, M.B. (2015). Financial disclosure and budgetary practices of religious organization: A study of qaryah mosques in Kuala Terengganu, *Gadjah Mada International Journal of Business*, 17(1), pp. 83-101.
- Sulaiman, M. (2007). The Internal Control Procedures of Mosques In Malaysia, *Blumenau*, 3(2), 101–115.
- Tamkin Borhan, J., Yahya Mohd Hussin, M., Muhammad, F., & Fauzi Abu, M. (2011). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Al-Basirah*, 1(1), 53–63.